

BAB KETIGA

SAUDARA BARU DAN PERKIM

3.0 Pengenalan

Secara umumnya, semua sedia maklum bahawa saudara baru adalah merupakan orang yang baru memeluk Islam atau menukar agama asal mereka seperti agama Buddha, Kristian dan lain-lain lagi kepada agama Islam. Apabila mereka memeluk Islam mereka diberi pendedahan tentang agama Islam di PERKIM iaitu Pertubuhan Kebajikan Islam Malaysia. Dari sini mereka diajar dan diasuh dengan ajaran Islam yang sebenarnya terutama dalam membaca al-Qur'an al-Karim.

Setelah mereka mengucap *dua kalimat syahadat*, maka mereka diajar Fardhu 'Ain di samping membaca al-Qur'an al-Karim. Tentunya di sana mereka menghadapi pelbagai masalah kerana mendapat sesuatu yang baru.

Saudara baru yang dikaji oleh penulis terdiri daripada pelbagai bangsa iaitu bangsa Cina, India, Siam, Kemboja dan lain-lain. Bangsa Cina adalah majoriti yang banyak menganut agama Islam di Pulau Pinang. Saudara baru yang memeluk Islam akan ditempatkan di PERKIM. PERKIM terdapat hampir di setiap negeri di Malaysia untuk tujuan pengislaman saudara baru termasuklah di Pulau Pinang.

Di dalam bab ini penulis akan menerangkan definisi saudara baru, latar belakang penubuhan PERKIM, visi, misi, objektif dan beberapa perkara yang berkaitan dengan

PERKIM serta serba sedikit mengenai faktor-faktor kesukaran penyebutan huruf al-Qur'an al-Karim dalam kalangan saudara baru.

3.1 Definisi Saudara Baru

Sebelum kita melihat dengan lebih lanjut lagi berkenaan PERKIM dan saudara baru, sukalah dinyatakan di sini berkenaan definisi saudara baru menurut beberapa pendapat dari pelbagai sumber yang penulis rasakan perlu didedahkan untuk pengetahuan pembaca.

Perkataan “ muallaf ” dalam Kamus Dewan bermaksud orang yang baru memeluk agama Islam (saudara baru). (Kamus Dewan, 2002 : 900).

Menurut pendapat al-Syafie, maksud “ muallaf ” ialah orang yang telah menganut agama Islam. (Muhammad Ramzi Omar, 2004 : 44).

Perkataan “ muallaf ” atau “ yang dijinakkan hatinya ” ialah mereka yang perlu dilembutkan hatinya, menagih simpatinya kepada Islam atau mereka yang ditetapkan hatinya di dalam Islam. (Hasbi Ash Shiddieqy, 1989 : 188-189).

Pada masa dahulu perkataan “ muallaf ” tidak diberikan kepada mereka yang baru memeluk Islam bahkan gelaran itu hanya diberikan kepada mereka yang lemah imannya dan perlu disokong iman yang lemah itu dengan sesuatu pemberian. (Hasbi Ash Shiddieqy, 1989 : 188-189).

Pada zaman Nabi Muhammad (s.a.w), perkataan “ muallaf ” atau yang dimaksudkan dengan “ muallaf ” ialah mereka yang ada menerima sesuatu bahagian atau pemberian sahaja. Pada masa sekarang yang dimaksudkan dengan “ muallaf ” ialah mereka yang baru memeluk Islam tanpa melihat kepada kuat dan lemahnya iman seseorang itu. (Hasbi Ash Shiddieqy, 1989 : 188-189).

Menurut pendapat Ibn Jawziyy, mereka yang diberi nama “ muallaf ” pada zaman Nabi Muhammad (s.a.w) hanya 50 orang. Antaranya ialah Abu Sufyan Shakher Ibn Harb, Uyainah Ibn Hishn dan al-Aqra’ Ibn Habis. (Hasbi Ash Shiddieqy, 1989 : 188-189).

Saudara baru atau “ muallaf ” ialah seseorang yang baru memeluk Islam. Istilah “ saudara baru ” kini telah ditukar kepada “ saudara kita ”. Tujuannya ialah untuk mengelak timbulnya perasaan terasing bagi orang yang baru menganut Islam dalam urusan kehidupan atau kematian . (Jabatan Kemajuan Islam Malaysia, 1998 : 2).

Kesimpulannya kita dapati hampir kesemua definisi saudara baru di atas menjelaskan bahawa yang dimaksudkan dengan “ muallaf ” iaitu orang yang baru memeluk agama Islam. Mereka yang baru memeluk agama Islam akan diberi gelaran saudara baru atau saudara kita oleh penduduk Malaysia khususnya.

Firman Allah (s.w.t) dalam surah at-Taubaṭ ayat 60 :

﴿ إِنَّمَا الصَّدَقَتُ لِلْفُقَرَاءِ وَالْمَسْكِينِ وَالْعَمَلِينَ عَلَيْهَا وَالْمُؤَلَّفَةِ قُلُوبِهِمْ وَفِي الرِّقَابِ
وَالْغَرَمِينَ وَفِي سَبِيلِ اللَّهِ وَابْنِ السَّبِيلِ فَرِيضَةً مِّنَ اللَّهِ وَاللَّهُ عَلِيمٌ حَكِيمٌ ﴾

Maksudnya : “ Sesungguhnya sedekah-sedekah (zakat) itu hanyalah untuk orang-orang fakir, orang-orang miskin, amil-amil yang mengurusnya, orang-orang muallaf yang dijinakkan hatinya, untuk hamba-hamba yang hendak memerdekakan dirinya, orang-orang yang berhutang, untuk (dibelanjakan pada) jalan Allah (s.w.t), dan orang-orang musafir (yang keputusan) dalam perjalanan. (Ketetapan hukum yang demikian itu ialah) sebagai satu ketetapan (yang datangnya) dari Allah (s.w.t). dan (ingatlah) Allah (s.w.t) Maha Mengetahui, lagi Maha Bijaksana ”.

Ungkapan **وَالْمُؤَلَّفَةِ قُلُوبِهِمْ** membawa maksud mereka yang memeluk Islam dan mempunyai iman yang lemah. (Wahbah al-zuhayliyy, 1991 : 259).

3.2 Pengenalan PERKIM

PERKIM adalah singkatan dari Pertubuhan Kebajikan Islam Malaysia (Muslim Welfare Organisation Of Malaysia). Ia telah di asaskan oleh Almarhum YTM Tunku Abdul Rahman Putra dan didaftarkan pada 19 Ogos 1960.

Di Pulau Pinang, PERKIM bertempat di Pulau Tikus, Pulau Pinang yang berperanan sebagai pusat PERKIM negeri. PERKIM di Pulau Pinang bertindak sebagai agen penggerak kebajikan yang menjalankan tujuan dan matlamat PERKIM Kebangsaan.

Tujuan dan matlamat PERKIM sebagaimana yang ditetapkan oleh Almarhum Tunku ialah untuk menyampaikan syiar Islam kepada orang bukan Islam khususnya dan umat manusia amnya. Ia merupakan satu amalan ikhlas tanpa mengharapkan apa-apa

ganjaran selain mendapat keredhaan Allah (s.w.t). Inilah yang menjadi syarat keahlian PERKIM yang terkandung dalam perlembagaan PERKIM. (Pertubuhan Kebajikan Islam Malaysia, 2009 : 56-59)

3.2.1 Organisasi PERKIM

Lanjutan daripada tujuan dan matlamat PERKIM, ia adalah satu badan sukarela bukan kerajaan NGO dan bukan badan politik di mana PERKIM tidak terlibat dalam politik dan tidak boleh dipolitikkan.

PERKIM adalah gabungan dari bahagian-bahagian PERKIM di setiap negeri di Semenanjung Malaysia. Di Sabah menjalankan aktiviti melalui gabungan dengan USIA manakala di Sarawak melalui gabungan dengan HIKMAH.

Setiap bahagian PERKIM di Semenanjung mempunyai cawangan-cawangan yang biasanya ditubuhkan dalam satu kawasan atau daerah. Setiap bahagian PERKIM mempunyai autonomi untuk bergerak secara sendiri melalui aktiviti cawangannya mengikut Perlembagaan PERKIM.

Otoriti tertinggi di setiap Cawangan, Bahagian dan Kebangsaan ialah Mesyuarat Agung Tahunan di mana berlaku pemilihan ahli-ahli Jawatankuasa Bahagian atau Cawangan dan Majlis Tertinggi PERKIM Kebangsaan.

Sumber kewangan PERKIM pula adalah dari sumbangan individu, swasta, Jabatan-jabatan Kerajaan seperti JPM, Jabatan Kemajuan Islam Malaysia (JAKIM),

Pusat Zakat negeri-negeri dan mana-mana badan korporat yang sudi menyumbang untuk kebajikan. Sumbangan dari individu dan swasta mendapat pengecualian cukai. Sumber kewangan dan yuran ahli adalah sangat minima kerana yuran yang dikenakan untuk menjadi ahli PERKIM dikekalkan rendah bagi memudahkan orang ramai menjadi ahli.

Setiap ahli PERKIM mestilah berdaftar terlebih dahulu di cawangannya yang kemudian dirasmikan oleh bahagian PERKIM. Oleh itu, PERKIM Kebangsaan pada rasminya tidak mempunyai ahli kecuali melalui Ahli Majlis Tertinggi yang dipilih oleh para perwakilan dari setiap Bahagian PERKIM dalam Mesyuarat Agung Tahunan mengikut perlembagaan PERKIM. (Pertubuhan Kebajikan Islam Malaysia, 2009 : 56-59).

3.2.2 Visi PERKIM

Visi PERKIM ialah menjadikan PERKIM sebagai NGO dakwah sejajar dengan wawasan 2020. (Pertubuhan Kebajikan Islam Malaysia, 2009 : 56-59)

3.2.3 Misi PERKIM

Misi PERKIM ialah menjadikan PERKIM sebuah NGO penggerak dakwah terunggul untuk memberi sokongan kepada institusi Islam di Malaysia dan di peringkat antarabangsa. (Pertubuhan Kebajikan Islam Malaysia, 2009 : 56-59)

3.2.4 Objektif PERKIM

Lima elemen utama yang menggerakkan objektif PERKIM adalah (Pertubuhan Kebajikan Islam Malaysia, 2009 : 56-59) :

3.2.4.1 Dakwah

PERKIM menjalankan dakwah kepada orang-orang Islam dan bukan Islam secara positif dan berkesan dengan memberi keutamaan kepada masyarakat bukan Islam sebagai sasaran dakwahnya. Sasaran dakwah kepada masyarakat bukan Islam adalah terlalu luas dalam pelbagai keadaan. Bagi memudahkan pelaksanaan dakwah, sasaran ini dibahagikan kepada beberapa kumpulan yang diletakkan di bawah tanggungjawab pihak-pihak tertentu untuk R&D dan perancangan.

Pihak PERKIM telah membahagikan sasaran dakwah kepada enam kumpulan iaitu dakwah kepada masyarakat orang Asli, masyarakat orang Cina, masyarakat orang India, masyarakat Peribumi Sabah – Sarawak dan masyarakat Siam dan kaum minoriti.

Dalam menjalankan kerja-kerja dakwah, PERKIM perlu mengadakan rangkaian kerjasama dengan pelbagai agensi. Selain NGO dan pihak-pihak yang berkuasa seperti JAKIM dan Jabatan Agama Islam Negeri dan Jabatan Hal Ehwal Orang Asli.

Terdapat tiga rangkaian dakwah (Missionary Networking) yang ada perhubungan dengan PERKIM dalam kerja-kerja dakwah iaitu perhubungan dengan

jabatan-jabatan kerajaan, perhubungan dengan lain-lain NGO dan perhubungan dalaman antara PERKIM Pusat dan PERKIM Bahagian / Cawangan.

PERKIM juga mengamalkan dasar yang ditetapkan oleh al-Qur'an al-Karim. Firman Allah (s.w.t) dalam surah al-Baqarat ayat 256 :

لا إِكْرَاهَ فِي الدِّينِ قَدْ تَبَيَّنَ الرُّشْدُ مِنَ الْغَيِّ ۚ فَمَنْ يَكْفُرْ بِالطَّاغُوتِ وَيُؤْمِنْ بِاللَّهِ
فَقَدْ اسْتَمْسَكَ بِالْعُرْوَةِ الْوُثْقَىٰ لَا انْفِصَامَ لَهَا ۗ وَاللَّهُ سَمِيعٌ عَلِيمٌ ﴿٢٥٦﴾

Ertinya : “ Tidak ada paksaan untuk (memasuki) agama (Islam); Sesungguhnya telah jelas jalan yang benar daripada jalan yang sesat, kerana itu barangsiapa yang ingkar kepada Thaghut (syaitan dan apa saja yang disembah selain dari Allah (s.w.t)) dan beriman kepada Allah (s.w.t), Maka sesungguhnya ia telah berpegang kepada tali yang amat kuat yang tidak akan putus, dan Allah (s.w.t) Maha mendengar lagi Maha Mengetahui ”.

PERKIM tidak menolak adat dan budaya sesuatu kaum sebagai alat dakwah, iaitu menerima proses pengislaman melalui adat dan budaya tempatan dengan syarat tidak bercanggah dengan aqidah dan syariat. Kebajikan dan pendidikan adalah sebahagian daripada kaedah dan pendekatan dakwah. Maka dengan itu, PERKIM mengamalkan “ Dakwah bil hal ”. (Pertubuhan Kebajikan Islam Malaysia, 2009 : 56-59).

3.2.4.2 Pendidikan

Dalam bidang pendidikan PERKIM menjadikan ruangan pendidikan sebagai saluran untuk menyampaikan risalah Islam kepada semua pihak yang berkenaan dengan menggunakan segala jenis media yang sah di sisi undang-undang.

Contoh pendidikan yang diberikan kepada saudara baru meliputi aspek perundangan Islam iaitu berteraskan al-Qur'an al-Karim dan Hadith Nabi (s.a.w) Tidak ketinggalan penekanan kepada pendidikan lebih tertumpu kepada kelas pengajian al-Qur'an al-Karim bagi saudara baru.

Jika dilihat kepada pendidikan berteraskan al-Qur'an al-Karim dan Hadith Nabi (s.a.w) banyak menceritakan perihal Islam kerana ia merupakan sumber perundangan Islam. Semua perkara yang terdapat dalam perundangan Islam perlulah diketahui oleh saudara baru dan perlu megamalkannya.

3.2.4.3 Kebajikan

Aspek kebajikan juga turut menjalankan semua kerja kebajikan termasuk memberi bantuan, derma, biasiswa dan dermasiswa kepada sesiapa yang berkelayakan dan menjalankan lain-lain amal jariah kepada orang yang sakit, miskin, susah dan daif.

Apa yang jelas di sini ialah kepentingan masyarakat diutamakan mengatasi kepentingan peribadi. Bagi PERKIM adalah menjadi tanggungjawab mereka

mengambil berat ke atas kebajikan saudara kita berdasarkan konsep tolong menolong dengan kebaikan .

Konsep amar makruf dan nahi munkar merupakan perkara pokok yang harus ada bagi setiap anggota PERKIM. Ini sebagai penggerak kepada kemajuan ke arah menjana sikap yang prihatin terhadap syariat Islam. Apa yang penting ialah memberi apa jua bentuk ke arah kebaikan dan menjauhi apa jua bentuk yan mendorong ke arah kemungkaran.

Selaras dengan itu tanggungjawab kepada masyarakat adalah menjadi keutamaan di samping saudara baru. Memupuk semangat tanggungjawab dalam menegakkan syiar Islam.

Selain itu, ianya juga berperanan sebagai pengertian hidup bermasyarakat di mana saudara baru harus peka terhadap agama baru yang dianuti dan harus sensitif di antara adab dan adat di dalam Islam.

Saudara baru adalah dilarang hidup mengasingkan diri dari masyarakat kerana tanpa masyarakat kita tidak akan berjaya menegakkan Islam.

3.2.4.4 Kerjasama Dalam Bidang Agama Islam

Adalah menjadi tanggungjawab setiap individu bekerjasama dalam bidang agama Islam bagi melahirkan generasi Islam yang berilmu, beriman dan bertaqwa kepada Allah (s.w.t) sekaligus menjadi seorang insan yang jujur dan ikhlas dalam

menegakkan syiar Islam. Selain itu juga, mewujudkan kerjasama dengan pertubuhan-pertubuhan dan badan-badan Islam yang lain demi kemajuan agama Islam.

Firman Allah (s.w.t) dalam surah al-Ma:idaṭ ayat 2 :

وَتَعَاوَنُوا عَلَى الْبِرِّ وَالتَّقْوَىٰ ۖ وَلَا تَعَاوَنُوا عَلَى الْإِثْمِ وَالْعُدْوَانِ ۚ وَاتَّقُوا اللَّهَ ۖ إِنَّ اللَّهَ شَدِيدُ
الْعِقَابِ ﴿٢﴾

Ertinya : Dan tolong menolonglah kamu dalam mengerjakan kebajikan dan takwa, dan jangan tolong menolong dalam berbuat dosa dan pelanggaran. Dan bertakwalah kamu kepada Allah (s.w.t), sesungguhnya Allah (s.w.t) amat berat siksaan-Nya.

Agama Islam merupakan agama untuk seluruh manusia. Oleh itu ianya sesuai untuk semua zaman, tempat dan keadaan. Sesiapa yang berpegang dengan agama Islam akan mendapat kebahagiaan hidup dunia dan akhirat.

3.2.4.5 Lain-lain

Dalam merealisasikan objektif penubuhannya, PERKIM mempraktikkan penyebaran syiar dakwah Islamiah berdasarkan kerja-kerja kebajikan yang terbukti telah memberi manfaat kepada semua kelompok masyarakat, sekaligus dapat meningkatkan imej Islam serta menghapuskan sebarang prasangka buruk terhadap Islam dan menjalankan lain-lain kegiatan demi kepentingan dan kemajuan Islam. (Jabatan Kemajuan Islam Malaysia, 2009 : 56-59).

Contohnya mengadakan Kem Motivasi Insan, Khemah Ibadat untuk saudara baru, Seminar berkaitan dengan sumber perundangan Islam, ukhuwah serantau dan lain-lain aktiviti yang boleh membantu ke arah kecemerlangan PERKIM dan saudara baru dalam menegakkan syiar Islam.

3.2.5 Pengajian al-Qur'an al-Karim di PERKIM

Pelbagai usaha dan program dilaksanakan untuk menggalakkan saudara baru agar sentiasa membaca, mencintai dan menghayati al-Qur'an al-Karim. Ini termasuklah melalui program-program kelas pengajian al-Qur'an al-Karim dan Fardhu 'Ain (KAFA). Juga penubuhan kelas-kelas pengajian al-Qur'an al-Karim di Masjid, Ma'ahad Tahfiz dan program yang terbaru di bawah Kementerian Pelajaran Malaysia iaitu Jawi, al-Qur'an, Bahasa Arab dan Fardhu 'Ain (j-QAF).

Ini semua menunjukkan komitmen yang telah diberikan oleh pelbagai pihak untuk memperkemaskan institusi PERKIM di seluruh negara. Semua ini memerlukan sokongan dan dokongan dari kita bagi memartabatkan agama Islam khususnya pengajian al-Qur'an al-Karim.

3.2.5.1 Kelas Pengajian al-Qur'an al-Karim.

Salah satu aktiviti yang dianjurkan oleh PERKIM Pulau Pinang ialah kelas al-Qur'an al-Karim yang bertempat di Butterworth dan di Pulau Tikus, Pulau Pinang. Saudara baru yang berada di sebelah Pulau akan mengikuti kelas di Pulau Tikus

manakala saudara baru yang tinggal di sekitar Butterworth akan mengikuti kelas di Butterworth.

Kelas ini diadakan setiap minggu iaitu pada hari Sabtu jam 5.00 hingga 7.00 petang. Dalam kelas ini mereka (saudara baru) diajar bacaan al-Qur'an al-Karim dan tajwid. Tenaga pengajar adalah terdiri daripada mereka yang mahir dalam bidang al-Qur'an al-Karim.

Sepertimana yang kita ketahui, pembelajaran dan pembacaan al-Qur'an al-Karim ini mestilah melalui sistem *musyafahat* iaitu berguru dari mulut ke mulut. Ia tidak dapat di perolehi atau dipelajari melalui penglihatan dan alat rakaman video ataupun melalui televisyen dan radio semata-mata kerana kaedah mendalami al-Qur'an al-Karim yang sebenarnya dan berkesan ialah dengan cara *musyafahat*.

Sejarah silam telah membuktikan tentang pembelajaran dan pembacaan al-Qur'an al-Karim di mana ia bermula dari nabi kita Muhammad (s.a.w) melalui malaikat Jibril (a.s) secara *musyafahat*. Penerimaan wahyu pertama nabi kita Muhammad (s.a.w) dari Jibril (a.s) iaitu dalam surah al-'Alaq ayat 1 :

أَقْرَأْ بِاسْمِ رَبِّكَ الَّذِي خَلَقَ ﴿١﴾

Ertinya : “ Bacalah dengan (menyebut) nama Tuhanmu yang Menciptakan”

membuktikan bahawa inilah cara pembelajaran dan pembacaan sebenar al-Qur'an.

Begitu juga generasi selepas sahabat tidak ketinggalan melalui sistem ini sehinggalah ke generasi hari ini yang cukup menitik-beratkan tentang sebutan bacaan huruf al-Qur'an al-Karim. Pembacaan dan pembelajaran al-Qur'an tidak dapat tidak mesti melalui sistem ini bagi memelihara umat Islam sebagai umat generasi al-Qur'an dan celik al-Qur'an.

3.2.5.2 Kaedah Pengajaran Dan Pembelajaran al-Qur'an al-Karim

Secara umumnya setiap institusi pendidikan menggunakan sistem yang tersendiri sama ada secara formal atau tidak formal. Tidak ketinggalan juga di PERKIM Pulau Pinang turut menjana suatu sistem yang selari dengan Kementerian Pelajaran Malaysia dalam memajukan lagi bidang ilmu.

Kaedah pengajaran dan pembelajaran al-Qur'an al-Karim iaitu kaedah Iqra' di guna pakai oleh saudara baru dalam kelas-kelas pengajian al-Qur'an al-Karim di PERKIM Pulau Pinang.

Pelbagai cara yang digunakan oleh tenaga pengajar di sini seperti sistem *pondok* (*tradisional*), *mushafahat* (*bersemuka*) dan sistem *Iqra'*. Ternyata sistem *Iqra'* telah mengatasi sistem lain kerana mudah dan cepat serta sesuai diguna pakai oleh saudara baru.

Walaupun sistem *musyafahat* berkesan namun ia dianggap sukar oleh saudara baru kerana mereka tidak dapat lari dari masalah penyebutan huruf. Mereka akan

mengambil masa yang agak lama untuk betul-betul dapat menyebut huruf dengan makhraj yang betul. Ini kerana sistem ini mengutamakan sebutan dan bacaan yang tepat.

Guru yang menggunakan sistem ini perlu mahir dalam bidang penyebutan huruf al-Qur'an al-Karim serta tilawahnya kerana kelemahan contoh bacaan daripada guru memberi kesan besar kepada pelajar. Kaedah ini menitikberatkan pemerhatian pelajar kepada pergerakan mulut guru secara berdepan (*bersemuka*). (Aleas bin Mohd Isa, 2005 : 2).

Kaedah Iqra' diasaskan oleh ustaz As'ad Humam dari Jogjakarta, Indonesia pada tahun 1998. Kaedah ini pada umumnya menggunakan kaedah lihat dan baca terus tanpa mengeja terlebih dahulu. Pada peringkat permulaan, kaedah Iqra' tidak mengenalkan huruf dan baris-baris bacaan seperti baris satu dan baris dua sama ada di atas (*fathah*), dibawah (*kasrah*) atau di depan (*dommah*). Begitu juga tidak dikenalkan tanda-tanda bacaan seperti mati (*sukun*) atau *tasydid* (Aleas bin Mohd Isa, 2005 : 7).

Antara keistimewaan sistem *Iqra'* ialah pelajar merasakan mereka berada di tahap tinggi, tidak rendah. Apa yang jelas di sini mereka mengenal huruf sekaligus mengetahui akan bunyi-bunyinya. Ini akan memudahkan mereka untuk menutur huruf tadi serta dapat membacanya. Bagi mempercepatkan lagi pengajaran yang berkesan guru perlu peka dan arif dalam teknik pengajaran yang disampaikan supaya dapat mengikuti kelas dengan mudah dan senang.

Tenaga pengajar di sini terdiri dari guru lepasan Timur Tengah yang mahir dalam pengkhususan al-Qur'an al-Karim. Dengan guru yang memiliki kemahiran yang jitu, pelajar lebih cepat dapat menyebut dan mempelajari al-Qur'an al-Karim. Kebolehan pelajar dalam penyebutan huruf al-Qur'an al-Karim bergantung kepada kebijaksanaan guru dalam mempelbagai kaedah pendidikan bagi mencapai objektif pengajaran.

Bagi memudahkan penyebutan huruf al-Qur'an al-Karim pelajar didedahkan dengan beberapa elemen seperti berikut :

1. Mengecam huruf rumi yang diganding dengan huruf hijaiyyah, seperti guru memperkenalkan bentuk huruf “ L ” dalam rumi dan huruf *la:m* (ل) bagi huruf al-Qur'an al-Karim.

Contoh perkataan *lampu* di dalam bahasa Melayu disebut huruf *la:m* (ل) bagi suku kata pertama. Pelajar akan mudah menyebut kerana sebutan yang bakal disebut sudah tergambar di fikiran mereka berdasarkan objek atau perkataan yang diberi yang disamakan dengan bunyi-bunyi haiwan. Contoh sebutan huruf *si:n* (س) akan disamakan dengan bunyi ular iaitu berdesis. (Aleas bin Mohd Isa, 2005 : 13-15).

2. Mendengar tanpa melihat kepada apa yang ditulis. Kemahiran mendengar adalah merupakan perkara pertama semasa belajar bahasa asing kerana ia merupakan titik tolak untuk menghasilkan sebutan huruf yang betul. Bahkan kemahiran mendengar juga merupakan asas untuk memahami sesuatu bahasa yang

dituturkan di mana tidak sempurna penyebutan pertuturan tanpa pendengaran yang baik.

3. Kesenambungan daripada kemahiran mendengar, saudara baru memerlukan kepada tempoh masa dalam menuturkan bunyi-bunyi yang dikira tidak terdapat di dalam bahasa ibunda mereka. Oleh itu pendengaran mereka tidak sama kerana mereka mendengar sesuatu bunyi baru atau sesuatu yang tidak pernah didengar tetapi seolah-olah bunyi itu berdekatan dengan bahasa mereka.

Misalnya mereka tidak pernah mendengar bunyi huruf ha:’ (ح), apabila dituturkan oleh guru mereka mendengar seperti bunyi huruf ha:’ (ه) kerana huruf ha:’ (ه) adalah daripada bunyi-bunyi bahasanya. Oleh itu, saudara baru akan cuba keluarkan bunyi sebutan dari makhraj yang sama dengan huruf ha:’ (ه). Begitu juga dengan ‘ayn (ع) mereka mendengar seperti huruf *hamzat* (ء), *qa:f* (ق) seperti huruf *ka:f* (ك), *sa:d* (ص), seperti huruf *si:n* (س), huruf *ta:’* (ط) seperti huruf *ta:’* (ت).

4. Mewujudkan kaedah ejaan (imlak) sebagai satu alternatif bagi menangkis tanggapan pendengaran yang tidak betul. Contoh perkataan (عُلْمَاء) didengar (أَلْمَاء), perkataan (قَائِلٌ) didengar (كَائِلٌ), perkataan (مَرَحٌ) didengar (مَرَه), perkataan (مَصِيرٌ) didengar (مَسِيرٌ). Tujuan latihan imlak adalah untuk menyingkap anggota pendengaran saudara baru sama ada ianya betul dengan apa yang didengar atau sebaliknya. (‘Abd al-Fatta:h Mahju:b Muḥammad, 1962 : 110).

5. Jumlah huruf yang diperkenalkan bergantung kepada jumlah murid dan masa. Contoh dalam masa 1 jam akan diberi lima huruf hijaiyyah untuk diingati. Latih tubi mengecam huruf dan menyebut serta mengingat dilakukan dalam pelbagai aktiviti pengajaran dan pembelajaran seperti kuiz huruf, kotak misteri dan sebagainya. Tujuannya ialah untuk melatih pelajar supaya dapat mengecam dan menyebut huruf hijaiyyah dengan betul.

6. Guru perlu memberi penekanan kepada pelajar tentang bacaan mengikut asas-asas hukum tajwid tanpa menyebut nama hukum. Contoh bacaan *mad* (panjang) pada perkataan (ثَابِتٌ), dibaca panjang huruf *tha:’* (ث) dengan kadar dua harakat manakala huruf *ba:’* (ب) dan huruf *ta:’* (ت) dibaca pendek satu harakat.

Guru perlu mengaplikasikan cara mengeja dan menyebut secara berulang-ulang. Latih tubi secara berkumpulan dan individu sangat digalakkan bagi memudah dan mengingat huruf al-Qur’an al-Karim (Aleas bin Mohd Isa, 2005 : 13-15).

3.2.5.3 Cabaran Dalam Pengajaran Penyebutan Bahasa al-Qur’an al-Karim

Seperti kebanyakan negara Asia lainnya, Malaysia merupakan negara berbilang bahasa, yang dituturkan oleh penduduknya seperti bahasa Melayu, Inggeris, Mandarin, Tamil dan Arab. Bahasa Inggeris merupakan bahasa kedua dan penggunaannya begitu meluas dalam dunia pendidikan. Oleh itu, bahasa Inggeris boleh membantu pengajaran dan pembelajaran bagi mendapatkan ilmu dengan lebih mudah.

Sebilangan besar pelajar di PERKIM mahir berbahasa Inggeris. Keadaan persekitaran dan suasana pembelajaran lebih mudah. Namun begitu mereka masih tidak dapat lari dari kesulitan dan masalah dalam penyebutan huruf al-Qur'an al-Karim. Bagi mereka yang dapat menguasai sifat huruf, akan berdepan dengan masalah makhraj huruf dan sebaliknya berlaku ke atas mereka dalam mempelajari huruf al-Qur'an al-Karim.

Lebih ketara lagi, ada antara mereka yang tidak dapat menguasai kedua-duanya iaitu sifat dan makhraj huruf itu sendiri. Oleh itu, kesulitan akan dihadapi bila mana mereka membaca al-Qur'an al-Karim.

Di samping itu juga, pengaruh kiasan dan gambaran merupakan faktor penting dalam pengajaran dan pembelajaran selain bahasa tutur. Oleh itu bagi mengukuhkan pengecaman dan ingatan pelajar, seseorang guru perlu mahir dalam aspek yang diajar, perlu kreatif dan kritis dalam menggunakan Bahan Bantu Mengajar (BBM) serta bijak menggunakan teknik yang betul semasa proses P&P. Jika pengajaran berkesan maka pelajar mudah faham dan segala kesulitan dan masalah kesukaran penyebutan huruf al-Qur'an al-Karim dapat diatasi.

3.2.5.4 Aspek-aspek Kesukaran Dalam Penyebutan Huruf al-Qur'an al-Karim

Tidak dapat dinafikan kesukaran penyebutan huruf di kalangan saudara baru amat ketara. Sekiranya umur pelajar itu masih muda, organ artikulasi dapat diasuh dengan cara mengajar serta menunjukkan daerah artikulasi yang betul. Jika umurnya sudah tua, maka bertambah susah untuk mengajar menyebut huruf kerana organ

artikulasinya dan anggota pendengarannya menjadi sebatian dengan bahasa ibundanya dan sukar untuk diperbetulkan lagi.

Walau bagaimanapun Allah (s.w.t) telah memberi beberapa kemudahan kepada hambanya di dalam pembelajaran dan pembacaan al-Qur'an al-Karim. Penulis cuba mendedahkan beberapa faktor kesukaran yang dialami pelajar bukan Arab adalah seperti berikut :

1. Seseengah huruf al-Qur'an al-Karim dianggap huruf baru yang tiada persamaan di dalam bahasa ibunda mereka. Oleh itu, pengaruh bahasa ibunda menyukarkan mereka untuk membentuk lidah dalam bahasa kedua.
2. Terdapat bunyi huruf dalam bahasa ibunda dan bahasa yang dipelajari tetapi berbeza dari segi sifatnya. Contoh huruf g dalam bahasa Inggeris menjadi huruf qa:f dalam bahasa Arab.

Contohnya dalam bahasa Cina bunyi huruf ka:f (ك) disebut seperti bunyi kha:' (خ) dalam perkataan “ kan ” yang bermaksud “tengok” atau “terbang” dalam bahasa Melayu. Apabila saudara baru menyebut huruf ka:f (ك) mereka seolah-olah terpengaruh dengan bunyi bahasa mereka iaitu huruf kha:' (خ). Keadaan ini telah menunjukkan berlainan sifat dan makhraj di mana sepatutnya disebut bunyi huruf ka:f (ك) tetapi disebut bunyi huruf kha:' (خ).

3. Huruf berdekatan makhraj. Contoh huruf si:n (س) disebut syi:n (ش) dalam bahasa Cina iaitu (chi') bermaksud (bangun) atau (pergi) dalam

bahasa Melayu. Bangsa Cina akan menyebut bunyi huruf si:n (س) lebih kepada bunyi huruf syi:n (ش).

Jika diteliti lokasi kedua-dua huruf ini, kedua-duanya adalah di bahagian lidah, tetapi huruf si:n (س) berada di lokasi depan lidah manakala huruf syi:n (ش) pula berada di lokasi tengah lidah. Penutur mampu menutur kerana huruf berdekatan makhraj walaupun tidak betul makhraj dan sifat.

4. Terdapat bunyi dalam kedua-dua bahasa tetapi berbeza dari sudut penggunaannya. Contohnya di dalam bahasa Cina terdapat persamaan bunyi dengan huruf fa:’ (ف) iaitu perkataan “ *fang* ” yang bermaksud “*letak*” dalam bahasa Melayu. Sebutan perkataan “ *fang* ” seakan-akan sama pada bunyi sebutan huruf fa:’ (ف) pada permulaan kata.

Oleh kerana huruf fa:’ (ف) bersifat mahmus, maka saudara baru dapat menyebutnya walaupun tidak sempurna. Hal ini demikian kerana terdapat sedikit persamaan bunyi huruf al-Qur’an al-Karim dengan bunyi dalam bahasa mereka. Tambahan pula makhraj huruf fa:’ (ف) di bibir mulut tetapi penggunaan bunyi dalam bahasa Cina sedikit berbeza.

5. Kesan di antara bunyi dengan bunyi-bunyi yang berdekatan berbeza dari satu bahasa dengan yang lain. Contoh bunyi huruf sha:d (ص) tidak dapat disebut oleh segelintir saudara baru yang berbangsa Cina kerana terpengaruh dengan sebutan bunyi *shou* iaitu bermaksud *tangan* dalam bahasa Melayu.

Mereka mampu menyebut sekadar bunyi yang terdapat dalam bahasa mereka sahaja dan menjadi masalah untuk mendapatkan bunyi huruf *ṣa:d* (ص) yang sebenarnya. Inilah kesan pada bunyi-bunyi yang berdekatan berbeza dari sudut penyebutan.

6. Berbeza dari sudut irama. Contoh dalam bahasa Cina kata “ *se* ” membawa maksud “ *empat* ” dalam bahasa Melayu. Saudara baru menyebut bunyi huruf *tha:’* (ث) berbeza dari sudut irama iaitu huruf *tha:’* (ث) disebut *se*. Walaupun berbeza dari sudut irama, namun makhraj sebutan bunyi *se* adalah di hujung lidah. (Lihat ‘Abd al-Fatta:h Maḥju:b Muḥammad, 1962 : 26, Lihat ‘Abd al-Ghaffa:r Ḥa:mid Hila:l, t.th : 282-285).

Sebahagian bunyi huruf dalam bahasa Arab memberi bunyi yang cukup halus dan unik berbanding bunyi-bunyi dalam bahasa lain. Ini kerana kita dapati kebanyakan bunyi yang ada dalam bahasa Arab adakalanya tidak terdapat di dalam bahasa lain.

Contohnya kita dapati huruf-huruf halqi iaitu ح ع خ غ tidak ada pada kebanyakan bahasa. Ini merupakan sebahagian antara faktor kesusahan yang dihadapi oleh mereka selain orang Arab. Begitu juga dengan huruf Itbaq ق ط kebanyakannya tidak terdapat di lain-lain bahasa.

Di sini dapatlah difahami bahawa antara punca kesulitan dan kesilapan yang wujud dalam penyebutan huruf al-Qur’an al-Karim ialah gangguan daripada bahasa ibunda dan perkara-perkara yang berkaitan dengannya.

Jika huruf dan struktur bahasa Arab itu agak sama dengan bahasa ibunda, masalah gangguan tidak begitu rumit. Sebaliknya jika huruf dan struktur bahasa tersebut jauh berlainan maka masalah pengajaran dan pembelajaran makin bertambah.

Firman Allah (s.w.t) dalam surah al-Qamar ayat 17 :

وَلَقَدْ يَسَّرْنَا الْقُرْآنَ لِلذِّكْرِ فَهَلْ مِنْ مُدَكِّرٍ ﴿١٧﴾

Ertinya : “ dan sesungguhnya Kami memudahkan al-Qur’an untuk pelajaran, maka adakah orang yang mengambil pelajaran ”.

Firman Allah (s.w.t) dalam surah al-Hijr ayat 9 :

إِنَّا نَحْنُ نَزَّلْنَا الذِّكْرَ وَإِنَّا لَهُ لَحَافِظُونَ ﴿٩﴾

Ertinya : “ Sesungguhnya Kamilah yang menurunkan al-Quran al-Karim, dan Kamilah yang memelihara dan menjaganya ”

Ibn Qutaybat̲ menjelaskan bahawa Allah (s.w.t) telah memudahkan hambaNYA dengan memberi kelonggaran kepada Nabi kita Muhammad (s.a.w) supaya membaca al-Qur’an al-Karim bagi umatnya dengan dialek-dialek mereka dan mengikut suasana seharian kehidupan mereka. Justeru, kabilah Hudhayl membaca (حَتَّى حِينَ) kepada (عَتَّى حِينَ) dalam surah Yu:suf, ayat 35 dan lain-lain lagi. (Fath̲i: Anwa:r ‘Abd al-Majid, 1997 : 98).

Sabda Nabi (s.a.w) :

” وَأُنزِلَ الْقُرْآنُ عَلَيَّ سَبْعَةَ أَحْرَفٍ ”

Ertinya “ Al-Qur’an itu diturunkan dengan tujuh huruf ”, (Şaḥiḥ al-Bukha:ri:y, 2007 : 1286).

Sabda Nabi (s.a.w) lagi :

” أَقْرَأَنِي جِبْرِيلُ عَلَيَّ حَرْفٍ فَرَجَعْتُهُ فَلَمْ أَزَلْ أَسْتَزِيدُهُ
وَيَزِيدُنِي حَتَّى انْتَهَى إِلَى سَبْعَةِ أَحْرَفٍ ”

Ertinya “ Jibril (a.s) telah membaca al-Qur’an kepada saya dengan satu dialek, saya mengulanginya kembali lalu saya minta tambah lagi dan dia pun menambahnya sehingga mencapai tujuh dialek ” (Şaḥiḥ al-Bukha:ri:y, 2007 : 1286)

Ini memberi peringatan dan pengajaran kepada kita bahawa Allah (s.w.t) menghendaki setiap hambanya membaca al-Qur’an al-Karim walaupun berlainan dialek. Bukti ini dapat kita lihat kerana orang Arab sendiri yang menurut dengan bahasa Arab mempunyai pelbagai kabilah. Justeru bagi saudara baru merupakan satu titik tolak untuk mereka menerima pakai penyebutan huruf al-Qur’an al-Karim sekadar kemampuan yang ada pada mereka berdasarkan kelonggaran tersebut.

3.3 Kesimpulan

Dari apa yang telah dibincangkan mengenai peranan PERKIM dan saudara baru serta perkara-perkara yang berkaitan dengan aspek pengajaran dan pembelajaran, jelas menunjukkan betapa pentingnya saudara baru mendalami al-Qur'an al-Karim. Hal demikian kerana pemahaman terhadap unsur bahasa Arab dan penyebutan huruf al-Qur'an al-Karim memainkan peranan penting untuk memahami al-Qur'an al-Karim dan hadis Nabi (s.a.w) yang merupakan sumber perundangan Islam.

Seperti yang telah disentuh oleh penulis mengenai masalah pembacaan al-Qur'an al-Karim di kalangan saudara baru yang meliputi aspek penyebutan huruf, tajwid, fasahah dan kelancaran adalah berpunca dari gangguan bahasa ibunda. Ini semua dapat diatasi seandainya saudara baru mengetahui makhraj huruf dan sifat-sifat huruf al-Qur'an al-Karim serta cara penggunaannya dalam pembacaan al-Qur'an al-Karim. Segala masalah akan dapat diatasi sekiranya saudara baru mempunyai azam yang kuat dan sentiasa istiqamah semasa belajar ilmu-ilmu Islam di PERKIM.

Sebagai rumusan, dapatlah dinyatakan di sini bahawa masalah penyebutan huruf al-Qur'an al-Karim dapat diselesaikan jika mengetahui makhraj dan sifat-sifat huruf al-Qur'an al-karim. Ini merupakan titik tolak untuk mendalami pengajian al-Qur'an al-Karim dengan lebih baik sekaligus dapat membaca al-Qur'an al-Karim dengan betul.